

18/06/2003

Berjuang lebih ikhlas, tulus'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Umno mampu menguruskan kejayaan yang diwarisinya sekarang ke tahap lebih cemerlang dengan syarat semua ahli parti berpegang kepada perjuangan yang tulus dan ikhlas.

Timbalan Presiden Umno, yang bakal mewarisi kepemimpinan parti daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Oktober ini menegaskan, apa yang dinikmati oleh rakyat dan ahli Umno sekarang adalah warisan kejayaan.

Mereka bukan saja mewarisi negara dengan rakyatnya bersatu padu, politik stabil dan ekonomi yang makmur, malah parti politik yang terkuat dan terbesar di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan, menjadi tanggungjawab ahli Umno untuk mempertahankan serta meningkatkan prestasi kejayaan itu kerana kejayaan tidak kekal jika mereka terlalu awal berpuas hati lalu menjadi manusia yang cepat leka dan mudah lupa.

Berucap merasmikan perhimpunan agung tahunan pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam tadi, Abdullah percaya ramai ahli Umno yang tidak mempunyai kedudukan dalam parti memiliki semangat kesetiaan dan perjuangan tulen.

"Saya yakin ramai ahli Umno yang tidak `bernama', yang tidak berjawatan, yang tidak berkedudukan, yang sekalipun tidak pernah menjejak kaki di dewan ini, apalagi dapat bersua Perdana Menteri, memiliki semangat kesetiaan dan perjuangan yang tulen, bersih dan hening hati nuraninya.

"Saya berpegang bahawa niat suci mereka, usaha murni mereka, keikhlasan mereka, telah memudahkan malaikat, mengangkat doa mereka ke pintu langit terbuka, lalu mendapat makbul Allah SWT, lalu negara kita dilimpahi berkat, Umno masih selamat dan seluruh rakyat mendapat rahmat," tegasnya dalam ucapan bertemakan `Mengurus Kejayaan'.

Dalam ucapan kira-kira sejam itu, Abdullah mengimbau sejarah kejatuhan empayar besar dunia termasuk Kesultanan Melayu Melaka sehingga parti politik terbesar selepas Perang Dunia Kedua seperti Kuomintang di Taiwan yang berpunca daripada kegagalan mengurus kejayaan.

Beliau berkata, hasad dengki dan perebutan jawatan mencetuskan fitnah dan perpecahan serta melemahkan perpaduan, menimpa beberapa pemerintahan dan parti politik yang berlaku sepanjang waktu.

Katanya, lupa kepada tanggungjawab sebenar, penyalahgunaan kuasa, amalan rasuah dan sikap mencari keuntungan peribadi, adalah faktor yang membawa kehilangan kuasa dan kehilangan sokongan.

Beliau mengajak rakyat Malaysia bersyukur kerana mewarisi negara yang masih berdaulat dan merdeka dalam menyuarakan pendirian hasil kepemimpinan Dr Mahathir.

Abdullah berkata, umat Islam perlu memperlihatkan kesyukuran itu dengan meningkatkan amal makruf dan menjauhkan diri dari kemungkaran, manakala seluruh warga Malaysia mencerminkannya melalui semangat taat setia kepada negara.

Kepada kakitangan awam, kesyukuran itu hendaklah dijelmakan melalui kesungguhan untuk meningkatkan kecekapan memberi khidmat yang bermutu lagi mesra dan swasta meningkatkan daya saing dan produktiviti.

Mahasiswa dan pelajar pula perlu menunjukkannya dengan pencapaian prestasi yang cemerlang, manakala belia dan remaja melalui amalan murni dan sifat bertanggungjawab terhadap diri dan keluarga.

Ahli Umno, katanya, perlu bersyukur kerana parti itu masih diberikan kuasa serta terus dapat bertahan kerana majoriti ahli masih mempunyai niat

suci dan ikhlas untuk meneruskan perjuangan murni.

"Bersyukurlah kerana perlindungan dari Allah, Umno masih terpelihara dan selamat di bawah pimpinan yang tidak merestui kemungkaran. Ahli-ahli Umno majoritinya, masih berfikiran rasional dan masih mengutamakan kepentingan parti.

"Ahli Umno majoritinya, masih berpegang kepada prinsip keimanan, yang mengakui penentuan Illahi. Bahawa Allah SWT melakukan sesuatu secara adil - secara saksama demi kebaikan ummah," katanya.

(END)